

**KEMISKINAN DIKAWASAN PADAWAN :
KAJIAN KES SATU TINJAUAN AWAL**

OLEH:

**RUSIK ANAK ENJO
DARUT MORSIDI
LOREN ANAK VINCENT
BUJANG SIMUT
WINSTON DANA AK JOSHUA**

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Sarawak Bagi Memenuhi Keperluan Syarat Diploma Pentadbiran Awam.

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA, SARAWAK.**

September, 2002.

ABSTRAK

Kandungan buku ini bertujuan untuk memberi gambaran tentang profil kemiskinan di kawasan Padawan, Kuching, Sarawak dan menyatakan implikasi dasar untuk meningkatkan keadaan ekonomi di kawasan ini. Kajian ini melibatkan penduduk-penduduk dari 20 buah kampung dengan pengedaran Borang Soal Selidik, 14 buah kampung yang membekalkan profil kampung masing-masing, penjaja-penjaja di Pasar Minggu yang berasal dari kawasan kajian. Berikutan dengan itu usaha telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik bagi setiap bab untuk memperbaiki dan mengemaskinikan maklumat. Buku ini merumuskan hasil yang telah dicapai.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa untuk memahami pengertian dan isu kemiskinan tidaklah mudah, apatah lagi untuk mengukurnya. Konsep kemiskinan terlalu kompleks untuk ditafsirkan dari segi angka dan peratusan semata-mata. Konsep ini melibatkan bukan sahaja dimensi ekonomi, tetapi juga terjaring di dalamnya aspek psikologi, sosiologi, politik kebudayaan, kemanusiaan dan kerohanian. Justeru itu, adalah mustahil bagi kita untuk mengerti apakah kemiskinan sebenarnya dan apakah kos kemiskinan ini kepada masyarakat dan negara. Mungkin cara yang paling baik untuk mengerti kemiskinan ialah dengan mengalami kemiskinan itu sendiri dan berkongsi hidup dengan mereka yang miskin- bekerja dan berteduh bersama-sama mereka, berfikir serta bermimpi bersama-sama mereka, dan merasakan sendiri harapan dan kekecewaan mereka. Hanya dengan demikian kita dapat membezakan antara mitos dengan realiti kemiskinan.

Kemiskinan dapat dibayangkan jika kita melihat petani yang baru berumur 30 tahun, tetapi rupanya seperti 50 tahun kerana telah dibakari bahang kemiskinan, ibu yang turut bertungkus lumus dari subuh di sawah atau dikebun dan bekerja hingga jauh malam di dapur dan dibilik tidur, anak-anak yang ke sekolah dengan sepatu berlubang tanpa stoking, serta memakai seluar baju yang usang, kakak yang berumur 12 tahun terpaksa mengasuh 5 orang adiknya semasa teman sebayanya sibuk membaca buku sekolah, ibu bapa yang menjangkakan bahawa anak-anak mereka akan terus menerima warisan mereka - kemiskinan. Penyelidik-penyelidik ini berharap supaya para pembaca dapat turut menyelami perasaan dan kesengsaraan yang dialami oleh keluarga miskin di sebalik statistik yang dibentangkan. Perlu dimaklumkan bahawa statistik merupakan ukuran kasar sahaja dan sebagai panduan awal untuk mengerti masalah kemiskinan yang sebenarnya. Kami berharap kertas projek ini dapat membuka jalan yang lebih luas untuk meneroka masalah kemiskinan yang amat getir ini. Dengan keinsafan ini, kami harap satu kajian susulan akan dapat dijalankan selepas ini.

Kami percaya kertas projek ini tidak dapat dihasil tanpa mendapat kerjasama daripada berbagai - bagai pihak, khususnya pegawai UiTM, Pegawai Tadbir Daerah Kecil Padawan, Pegawai Perancang Ekonomi Mikro (Sukarela) dari Unit Perancang Negeri, Ketua-Ketua Kampung / Kaum/ Wakil Kampung, penduduk-penduduk dan individu-individu yang tinggal di kawasan kajian, yang terus menerus memberi sokongan mereka

KANDUNGAN

<u>Bil. Bab</u>	<u>Tajuk/Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
	Abstrak	i – ii
	Penghargaan	iii
	Kandungan	vi – ix
	Senarai Jadual	x – xi
	Senarai Lampiran-Lampiran	xiii – xiii
	Senarai Symbol/Singkatan	xiv
BAB 1	Pengenalan	1 - 11
1.1	Latarbelakang Kajian	1 - 3
1.2	Kerangka Teoritis	3 - 5
1.3	Penyataan Permasalahan Kajian	5 - 6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7 – 9
1.6	Hipotesis	9
1.7	Andaian	9 - 10
1.8	Kepentingan Kajian	10 - 11
BAB 2	Tinjauan Karya	12 - 22
2.1	Pengenalan	12 - 13
2.2	Definisi Konsep Kendiri	14 – 15
2.2.1	Perspektif Ekonomi	16 - 17
2.2.2	Perspektif Sains Sosial	17 - 18
2.3	Kajian Dalam Negara	18 - 22
2.4	Kajian Luar Negara	22

BAB I

PENGENALAN.

1.1 Latarbelakang Kajian.

Beberapa definisi "kemiskinan" berkisar atas perkataan "ekonomi". Kemiskinan merupakan satu sifat keadaan ekonomi dan sosial yang dialami oleh orang yang berkurangan pendapatan mahupun mutu penghidupan harian.¹

Mengikut *Syed Husin Ali*, "kemiskinan" adalah kekurangan untuk mendapat keperluan asasi (makanan, perlindungan dan pakaian) dan keperluan lain seperti elektrik, kemudahan air bersih, kesihatan dan pendidikan.² Masalah kemiskinan akan terus menjadi isu dan persoalan yang penting bagi dasar dan strategi pembangunan ekonomi dan sosial dalam tempoh selepas tahun 1990. Fenomena kemiskinan di Malaysia berkait rapat dengan unsur pembangunan ekonomi negara. Lokasi geografi dan faktor etnik serta penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar juga tidak terkecuali. Kumpulan utama sasaran kemiskinan masih terdiri daripada penanam padi, pekebun-pekebun kecil, para penternak yang hasil adalah untuk kegunaan sendiri dan lain-lain aktiviti yang memberi pendapatan rendah. Pengertian serta tanggapan mengenai kemiskinan adalah meluas dimana ianya meliputi keadaan dimana kekurangan makanan, taraf kesihatan yang boleh mengancam nyawa, ketiadaan tempat tinggal yang selesa dan juga pertumbuhan ekonomi

¹ Malaysia, (1991), *Laporan Majlis Perundangan Ekonomi Negara*, Kuala Lumpur; Jabatan Perangkaan Negara m.s. 14

² Norman Long, (1984), *Pengenalan Sosiologi Pembangunan Bandar*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s 4

Bab 2

TINJAUAN KARYA

2.1 Pengenalan

Takrif kemiskinan yang sebenar bermaksud kelaparan, kebuluran dan tempat tinggal tidak memuaskan . Bentuk kemiskinan yang sedemikian tidak wujud di Malaysia . Di negara ini , konsep kemiskinan adalah lebih bercorak relatif dan dari beberapa segi berkait-rapat dengan agihan pendapatan dalam negara serta mutu dan baiknya perkhidmatan awam yang dinikmati oleh seisi rumah. (*Sedutan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke empat oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 29 Mac. 1984*)

Kemiskinan adalah keadaan hidup yang bercirikan kurang kemampuan untuk memperolehi sokongan dan keperluan hidup seperti makanan , tempat tinggal dan pendidikan . Menurut Higgins (1968) kemiskinan boleh didefinisikan sebagai

“ satu tingkat kehidupan yang tidak memberi kelebihan yang lebih daripada memenuhi keperluan hidup seperti makanan , pakaian dan perlindungan yang diperlukan untuk kesihatan : ini bermakna barang-barang mewah bermutu rendah rekreasi , pendidikan dan peruntukan untuk masa tua dan kehilangan pendapatan secara sementara tidak dapat diberikan peruntukan”.

Dari segi lokasi, kawasan Padawan adalah berbukit-bukau dan kemudahan infrastruktur yang ada adalah amat terhad.